



SIRI 3/2020 | 19 REJAB 1441H

UNJURAN POSITIF KEUNTUNGAN TABUNG HAJI MENGEMBALIKAN KEYAKINAN MASYARAKAT

Mewakili kerajaan Malaysia dan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH), atas keuntungan berjumlah RM 2.9 billion (sebelum agihan keuntungan) yang dicatatkan untuk tahun kewangan 2019. Pengumuman ini sudah pasti menggembirakan semua pendeposit, selepas berlaku unjuran positif dalam keuntungan berbanding tahun kewangan yang lepas pada 2018.

Keuntungan yang dicatatkan ini menunjukkan keberhasilan usaha pihak pengurusan dalam merangka strategi pelaburan dan langkah pengurusan kos. Cabaran terbesar TH adalah bagaimana untuk mengukuhkan kedudukan kewangan mereka, setelah berlakunya ketidakpastian pasaran saham berikutan perang dagangan di peringkat global. Saya percaya pihak TH dan semua pihak yang berkaitan telah menggembeng sepuh tenaga mereka, dan berusaha sehabis baik dalam melaksanakan tugas ini. Dengan semangat dan iltizam yang berterusan, - sudah barang tentu dengan izin-Nya - saya yakin TH akan mencatat lebih banyak keuntungan di masa depan.

Pengumuman agihan keuntungan selepas zakat (hibah) sebanyak 3.05% kepada semua pendeposit juga dilihat telah mengembalikan kepercayaan pendeposit setelah jumlah dividen yang diterima agak rendah pada tahun lalu. Ia dijangka akan memberi galakan kepada pendeposit untuk terus melabur dan menyimpan wang bersama TH.

Saya menyeru semua pihak agar meletakkan sepuh keyakinan kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan TH yang sentiasa berdedikasi dan

memahami halatuju TH dalam menjalankan urus tadbir. Penubuhan TH adalah berlandaskan niat yang suci, untuk membantu umat Islam di Malaysia menunaikan rukun Islam yang kelima. Semoga TH akan dapat mencatat lebih banyak keuntungan di masa akan datang, serta dapat menyumbang lebih banyak untuk ekonomi dan pembangunan Islam.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

14 MAC 2020